



PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 02 APRIL 2026

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

| TAJUK PROJEK | SYARAT KELAYAKAN | HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA | TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN |
|--|--|--|---|
| NO. TENDER: RAC.K-A/02/26 CADANGAN KERJA-KERJA PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI STESEN KERETAPI IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN | Status: Bumiputera Gred: G6 Pengkhususan: CE21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam; dan B03 – Kerja-kerja Pemulihan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan. <u>Nota:</u> Kebenaran khas tidak dibenarkan untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan | Harga Dokumen: RM300.00 (Tidak akan dikembalikan) Perbankan Atas Talian ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi | <u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> 9 April 2026 (Khamis) – 14 April 2026 (Selasa) <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> 15 April 2026 (Rabu) – 11 Mei 2026 (Isnin) <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran. |

SESI TAKLIMAT TENDER dan LAWATAN TAPAK adalah DIWAJIBKAN sepertimana ketetapan berikut:-

Tarikh : **9 April 2026 (Khamis)**

Masa : **3.00 petang**

Tempat : **Stesen Keretapi Ipoh, Perak Darul Ridzuan (New Arrival Hall)**

Hanya petender yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran PPK, SPKK, STB dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) beserta **SATU (1) SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cop syarikat**.

Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak Tender boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada payment.perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dihantar melalui e-mel kepada inquiry.perolehan@rac.gov.my.

TARIKH TUTUP TENDER:
13 Mei 2026 (Rabu)
Jam 12:00 Tengah Hari

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen tender tidak akan diterima. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Aset Keretapi,
27-1, Sentral RAC,
No.16 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields,
50470, Kuala Lumpur.**